

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' SERI TIONG KING SING
KAWASAN : BINTULU
TARIKH : 19 MEI 2016, KHAMIS

SOALAN:

YB. DATO' SERI TIONG KING SING minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk memberi peruntukan khas dalam melaksanakan projek Perumahan Setinggal Sementara (Konsep Rumah Panjang) di Bahagian Bintulu yang memerlukan kediaman sementara yang melibatkan 1,600 buah keluarga serta penduduk-penduduk yang terlibat dalam projek Pan Borneo Highway yang perlu dipindahkan dalam masa terdekat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pengambilan balik tanah – termasuk kos menyelesaikan halangan di atas tanah – bagi keseluruhan jajaran Lebu Raya Pan Borneo Sarawak ialah dianggarkan sebanyak RM800 juta.

Kos ini akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat. Manakala proses pengambilan tanah dan penilaian pampasan kepada pemilik tanah yang terlibat dibuat oleh Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Tanah dan Survei Sarawak. Sehingga 1 April 2016, peruntukan sebanyak RM335.6 juta telah diberikan kepada Kerajaan Negeri untuk diagihkan kepada penerima-penerima pampasan tanah yang terlibat.

Bagi pemilik-pemilik tanah yang mempunyai dokumen hak milik tanah, mereka akan menerima pampasan berdasarkan kepada penilaian harga pasaran hartanah semasa. Manakala bagi penduduk yang mempunyai hak milik tanah berdasarkan hak tanah adat (NCR), nilai bayaran pampasan tanah – termasuk pampasan untuk struktur bangunan dan tanaman-tanaman terlibat – juga dibuat mengikut harga penilaian semasa yang ditentukan oleh Jabatan Tanah dan Survei Sarawak. Di samping itu Kerajaan Negeri juga bersetuju mempertimbangkan pembayaran ihsan atau 'ex-gratia' sehingga nilai maksimum 80% ke atas tuntutan untuk rumah-rumah setinggan, kedai perniagaan dan juga tanaman yang didirikan/ditanam secara tidak sah atas tanah hak milik Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain pampasan untuk pengambilan tanah, Kerajaan Pusat tidak menyediakan peruntukan khas bagi tujuan pembinaan semula struktur rumah panjang yang terlibat dengan projek Lebu Raya Pan Borneo di Sarawak. Namun begitu kementerian ini bersedia untuk berbincang dengan Kerajaan Negeri untuk mencari jalan bagi membantu meringankan beban penduduk yang terlibat dengan pelaksanaan projek ini.

Sekian. Terima kasih.